

Jenis Akhbar : *Harian Metro*
Tarikh : *07/01/2018*
Edisi / Muka Surat : *Nasional / 44*

ANGKASA sasar perolehan RM50 bilion menjelang 2020

Bangi: Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) menasaskan perolehan berjumlah RM50 bilion menjelang 2020.

Naib Presiden ANGKASA Profesor Madya Datuk Mohamad Ali Hassan berkata, sehingga kini keuntungan sebanyak RM4.6 bilion diperolehi hasil sumbangan dalam pelbagai aktiviti seperti

sektor kesihatan, komoditi dan pelancongan.

“Kami juga menasaskan koperasi sekolah untuk turut sama menyumbang sekurang-kurangnya RM1 juta daripada setiap sekolah.

“Sebanyak 500 koperasi sekolah terbabit dalam bidang peruncitan manakala empat daripadanya mampu membawa keuntungan le-

bih daripada RM1 juta setahun.

“Ia meliputi sekurang-kurangnya 97 peratus sekolah di seluruh Malaysia dan secara umumnya di sekolah menengah,” katanya pada sidang media pelancaran Program Seminar Ledakan Ekonomi Orang Muda dan Projek Ternakan Tenusu Koperasi Sepakat Muda Negeri

Selangor Berhad (KOSEDAR) diikuti Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara KOSEDAR dan Konsortium Kumpulan Usahawan Muda Berhad (KKUB) di Hotel Sherwood Gateway, semalam.

Kata Mohamad Ali, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) menggalakkan

kewujudan subsidiari koperasi yang menjalankan kegiatan kedai farmasi, klinik dialisis, sektor pemborongan dan peruncitan bagi menambah nilai keuntungan tahunan.

Ditanya mengenai pembelian KOSEDAR dalam sektor hartanah, beliau amat mengalu-alukan jaringan berkenaan namun ia juga

memerlukan golongan profesional muda dalam bidang terbabit.

“ANGKASA memiliki sektor hartanah dan industri binaan menerusi Konsortium Koperasi Hartanah Negara Berhad yang wujud sejak setahun lalu dan setakat ini 22 koperasi hartanah di Malaysia menyertai konsortium itu,” katanya.